

TINGKAH LAKU PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI PELAJAR PERAKAUNAN: KAJIAN KE ATAS PELAJAR POLITEKNIK KOTA KINABALU, SABAH

Noranizah Binti Johari
Politeknik Kota Kinabalu, Sabah
noranizahjohari@polikk.edu.my

Dicky Wiwittan Toto Ngadiman
Politeknik Kota Kinabalu, Sabah
dicky@polikk.edu.my

Abstrak: Pengurusan kewangan peribadi merupakan isu penting yang hangat diperdebatkan ketika ini sebagai salah satu usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara dan modal insan. Ilmu dalam kewangan dilihat sebagai keupayaan individu menggunakan pengetahuan serta kemahiran bagi menguruskan sumber kewangan dengan berkesan bagi mencapai kesejahteraan kewangan sepanjang hayat. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bagi menilai tingkah laku pelajar berkaitan dengan pengurusan kewangan peribadi mereka. Sampel kajian yang dipilih adalah Pelajar Perakaunan, Jabatan Perdagangan yang terdiri daripada semester 1 sehingga 6. Seramai 119 orang pelajar telah menjawab soal selidik yang diedarkan melalui pautan *Google Form* yang diedarkan secara rawak dan data yang telah diperolehi dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati, tingkah laku pengurusan kewangan peribadi pelajar adalah baik atau positif yang mana jawapan yang diberikan oleh para responden adalah pengurusan kewangan peribadi yang efektif diterapkan di dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini juga akan membantu para institusi untuk mengenal pasti tingkah laku pengurusan kewangan peribadi pelajar dan tindakan bagi mempertingkatkan pengurusan kewangan peribadi boleh diambil bagi menjaga kesejahteraan kewangan peribadi para pelajar di Politeknik Kota Kinabalu.

Kata kunci: Tingkah laku, pengurusan kewangan peribadi, pengetahuan kewangan

1. Pengenalan

Pengurusan kewangan peribadi individu adalah sangat penting kerana ia dapat menyumbang kepada kesejahteraan kewangan individu (Chavali et al., 2021). Belajar mengurus kewangan di zaman remaja ataupun semasa menuntut di alam universiti adalah masa terbaik untuk para remaja dan pelajar universiti mendisiplinkan diri belajar urus kewangan dengan baik dan membina tabungan untuk hari akan datang sebanyak mungkin. Kehidupan di zaman kemelesetan ekonomi pada hari ini sangat mencabar dengan pelbagai halangan dan kekangan kewangan kepada semua orang ramai. Pengetahuan kewangan dapat meningkatkan pemahaman berkaitan kewangan dan

seterusnya dapat mengembangkan idea berkaitan pengurusan kewangan, yang bermanfaat bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada masyarakat (Nyoto et al., 2021).

Namun begitu, timbul persoalan sejauh mana keupayaan Pelajar Perakaunan Politeknik Kota Kinabalu, Sabah dalam menguruskan kewangan peribadi. Ini kerana masih ramai pelajar yang tidak cekap menguruskan kewangan peribadi dan menyebabkan para pelajar tidak mampu untuk membeli keperluan pembelajaran seperti buku rujukan dan lain - lain. Di samping itu, Menurut Norlaila et al. (2019), golongan pelajar universiti lebih mudah terdedah kepada membuat pengurusan kewangan yang kurang bijak. Pengurusan kewangan yang lemah boleh mencetuskan masalah kewangan dan tekanan kepada pelajar-pelajar universiti. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana tingkah laku pengurusan kewangan peribadi Pelajar Perakaunan Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini penting dijalankan kerana dapat membantu institusi politeknik mengetahui tingkah laku pengurusan kewangan peribadi Pelajar Perakaunan Politeknik Kota Kinabalu, Sabah sekali gus dapat membantu para pelajar menggunakan wang dengan lebih berkesan dengan memantau perbelanjaan mereka sendiri.

2. Sorotan Kajian

Tingkah laku pengurusan kewangan dianggap sebagai salah satu konsep utama mengenai disiplin kewangan. Banyak definisi diberikan berkaitan dengan konsep ini, misalnya, Horne dan Van Horne dan Wachowicz (2005) mencadangkan tingkah laku pengurusan kewangan sebagai penentuan, pemerolehan, peruntukan, dan penggunaan sumber kewangan dengan tujuan tertentu. Sementara itu, menurut Weston dan Brigham (1981) tingkah laku pengurusan kewangan merupakan satu bidang untuk membuat keputusan kewangan, menyelaraskan motif individu dan tujuan perniagaan. Kajian Grable, Park dan Joo (2009) menunjukkan bahawa tingkah laku pengurusan kewangan yang berkesan akan meningkatkan kesejahteraan kewangan secara positif dan membantu menguruskan kewangan peribadi. Kegagalan dalam menguruskan kewangan individu boleh membawa akibat jangka panjang yang serius bukan sahaja kepada orang itu tetapi juga untuk perniagaan dan masyarakat Xiao dan Dew (2011).

Dalam kajian oleh Deacon dan Firebaugh (1988), pengurusan kewangan peribadi didefinisikan sebagai kumpulan tingkah laku yang dilakukan mengenai perancangan, pelaksanaan, dan penilaian yang terlibat dalam bidang tunai, kredit, pelaburan, insurans dan persaraan dan perancangan harta tanah. Kajian Xiao dan Dew (2011) telah mengambil kira pengurusan kewangan peribadi berkenaan dengan pengurusan aliran tunai, kredit, simpanan dan pelaburan. Terdapat banyak kajian yang dijalankan di Malaysia sebelum ini yang hanya tertumpu kepada pengurusan kewangan tertentu seperti tingkah laku kewangan penduduk bandar (Hasfazli & Ramli, 2021), golongan remaja (Sabri, 2002) atau literasi kewangan dalam kalangan pelajar (Hussin & Rosli, 2019). Berdasarkan kepada perbincangan literatur ini, penyelidikan mengenai tingkah laku pengurusan kewangan peribadi perlu diperluaskan khasnya kepada pelajar supaya tindakan dan bimbingan dapat diberikan di peringkat awal. Walau bagaimanapun, kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar bidang perakaunan yang dianggap mempunyai tingkah laku berbeza dengan pelajar bukan perakaunan.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Responden yang dipilih dalam kajian ini adalah Pelajar Perakaunan Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 119 pelajar diploma Perakaunan sepenuh masa yang terdiri daripada 33 lelaki dan 86 perempuan telah menjawab secara sukarela menggunakan pensampelan mudah. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah dengan menggunakan borang selidik. Item-item soal selidik (Jadual 2) dalam kajian ini adalah adaptasi dari kajian Xiao and Dew (2011). Semua item diukur pada skala Likert 5-poin di mana 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = neutral, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju. Penentuan tahap-tahap dalam analisis adalah diukur berdasarkan nilai skor min sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Penentuan Tahap Berdasarkan Skor Min

Skor min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

Sumber: Najmuddin et al. (2009)

Jadual 2: Item kajian

No. Item	Item kajian
	Pengurusan tunai
T1	Tidak membuat perbandingan harga semasa membeli produk atau perkhidmatan
T2	Tidak membayar semua bil anda tepat pada waktunya
T3	Tidak menyimpan rekod bertulis atau elektronik mengenai perbelanjaan bulanan anda
T4	Jarang mengikuti rancangan perbelanjaan yang anda buat
T5	Selalu berbelanja untuk keperluan sosial dan harga diri
T6	Tidak berbelanja mengikut budget

Pengurusan Hutang

- H1 Tidak menyimpan rekod semua hutang-hutang yang dibuat
- H2 Memastikan hutang dibayar pada hujung bulan
- H3 Selalu berhutang untuk membeli keperluan asas
- H4 Wang pinjaman pendidikan yang diterima tidak mencukupi
- H5 Masih mempunyai hutang lama yang belum dilunaskan

Penjimatan dan pelaburan

- L1 Tidak mempunyai simpanan untuk kegunaan kecemasan
- L2 Selalu berbelanja hingga habis wang yang diterima daripada keluarga
- L3 Tidak membuat tabungan untuk membeli sesuatu barang pada masa hadapan
- L4 Wang simpanan tidak dimasukkan dalam bank
- L5 Tidak pernah membeli saham sebagai pelaburan

4. Hasil Kajian

Ringkasan hasil kajian ini adalah berdasarkan seperti jadual disenaraikan di bawah ini. Pelajar adalah responden secara sukarela terhadap kajian ini dan berikut ialah ringkasan profil yang mengandungi 119 sampel pelajar.

a) Analisis demografi

Jadual 3: Latar belakang responden kajian

Peratusan (%)		Peratusan (%)	
PROGRAM:		TAHUN PENGAJIAN:	
DAT	100%	1 & 2	41.2 %
DLS	0 %	3 & 4	15.1 %
DPR	0 %	5 & 6	43.7 %
JANTINA:		KEDIAMAN PELAJAR:	
Lelaki	27.7 %	Kolej kediaman	4.2 %
Perempuan	72.3 %	Rumah sewa	2.5 %
PENDAPATAN IBUBAPA:		Rumah keluarga	93.3 %
RM 1000 – RM 4849	83.2 %		
RM 4850 – RM 10959	15.1 %		
RM 10960 dan ke atas	1.7 %		

HPNM:		SUMBER KEWANGAN	
1.00ke bawah	0 %	PELAJAR:	
1.00 – 2.00	0 %	Biasiswa	11.8 %
2.00 – 2.99	2.5 %	Ibu bapa	83.2 %
3.00 – 3.33	18.5 %	Pinjaman Pendidikan	27.7 %
3.43 – 3.67	30.3 %	Bekerja Sendiri	10.9 %
3.68 – 4.00	42.9 %		
Semester 1 (tiada HPNM)	5.9 %		

SUBJEK PERAKAUNAN YANG DIMINATI: (optional – jumlah menjawab seramai 83 Orang)			
Financial Accounting: 44.5 %			
Cost and Management Accounting: 13.3 %			
Taxation and Audit Assurance: 12.04 %			
Computerized Accounting: 1.2 %			
Financial Management: 8.43 %			
Not Related (Business Law, POM, Nilai Masyarakat Malaysia & Business Mathematics): 20.5%			

Berdasarkan profil responden di atas, penglibatan secara sukarela adalah 100% diikuti oleh pelajar DAT di Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Kinabalu. Penglibatan tertinggi ialah pelajar yang tinggal bersama keluarga dan pendapatan ibu bapa RM 1000 – RM 10959 sebulan diikuti oleh HPNM yang berada dalam lingkungan 3.68 – 4.00 dengan jantina tertinggi diwakili oleh kelompok pelajar perempuan. Kebanyakan responden terdiri dari pelajar yang berada pada semester kelima dan keenam pengajian. Akhir sekali sumber kewangan pelajar yang tertinggi adalah daripada ibu bapa iaitu sebanyak 83.2% dan subjek perakaunan yang diminati oleh pelajar yang tertinggi adalah *Financial Accounting*.

b) Analisis item kajian

Jadual 4: Tingkah laku Pengurusan Kewangan Peribadi Pelajar Perakaunan

No. Item	Item	Skor min
Pengurusan Tunai		
T1	Tidak membuat perbandingan harga semasa membeli produk atau perkhidmatan	2.07
T2	Tidak membayar semua bil anda tepat pada waktunya	1.92
T3	Tidak menyimpan rekod bertulis atau elektronik mengenai perbelanjaan bulanan anda	2.54
T4	Jarang mengikuti rancangan perbelanjaan yang anda buat	2.77

T5	Selalu berbelanja untuk keperluan sosial dan harga diri	3.05
T6	Tidak berbelanja mengikut budget	2.35

Pengurusan Hutang

H1	Tidak menyimpan rekod semua hutang-hutang yang dibuat	2.1
H2	Memastikan hutang dibayar pada hujung bulan	3.56
H3	Selalu berhutang untuk membeli keperluan asas	1.61
H4	Wang pinjaman pendidikan yang diterima tidak mencukupi	2.3
H5	Masih mempunyai hutang lama yang belum dilunaskan	1.71

Penjimatan dan Pelaburan

L1	Tidak mempunyai simpanan untuk kegunaan kecemasan	2.1
L2	Selalu berbelanja hingga habis wang yang diterima daripada keluarga	2.02
L3	Tidak membuat tabungan untuk membeli sesuatu barang pada masa hadapan	1.95
L4	Wang simpanan tidak dimasukkan dalam bank	2.2
L5	Tidak pernah membeli saham sebagai pelaburan	3.18
Purata		2.34

Jadual di atas menunjukkan tingkah laku pengurusan kewangan peribadi pelajar perakaunan yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu pengurusan tunai, pengurusan hutang dan penjimatan dan pelaburan di mana skor min atau purata daripada skala likat akan digunakan sebagai petunjuk kepada hasil dapatan kajian. Bagi bahagian Pengurusan Tunai, skor min tertinggi adalah item T5 iaitu selalu berbelanja untuk keperluan sosial dan harga diri iaitu 3.05 dan yang terendah adalah item T2 iaitu Tidak membayar semua bil anda tepat pada waktunya yang hanya memperoleh skor min sebanyak 1.92. Bagi bahagian Pengurusan Hutang pula, skor min tertinggi adalah H2 iaitu memastikan hutang dibayar pada hujung bulan iaitu sebanyak 3.56 sekali gus menjadi item yang tertinggi bagi kesemua item yang disoal. Tingkah laku pelajar berkaitan dengan pengurusan hutang berkaitan dengan hutang perlu dibayar hujung bulan ini adalah yang paling diterapkan dalam pengurusan kewangan oleh para responden.

Manakala skor min terendah bagi bahagian Pengurusan Hutang pula ialah item H3 yang hanya mencatatkan skor min sebanyak 1.61. Akhir sekali, bagi bahagian Penjimatan dan Pelaburan, skor min tertinggi adalah sebanyak 3.18, item L5 iaitu tidak pernah membeli saham sebagai pelaburan. Bhushan (2014) menyatakan bahawa individu yang mempunyai tahap literasi yang rendah lebih berminat untuk melabur di dalam pelaburan yang tradisional dan kurang pengetahuan berkaitan pelaburan yang lebih berisiko. Pelaburan tradisional lebih mudah untuk difahami berbanding saham, stok atau bon. Oleh itu, dengan pengetahuan yang sewajarnya, mahasiswa boleh membuat pelaburan yang bersesuaian dengan status kewangan mereka. Manakala skor min terendah bagi

bahagian penjimatan dan pelaburan ialah item L3 iaitu tidak membuat tabungan untuk membeli sesuatu barang pada masa hadapan.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk menilai tingkah laku pelajar berkaitan dengan pengurusan kewangan peribadi mereka. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa tingkah laku pengurusan kewangan peribadi Pelajar Perakaunan, Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Kinabalu adalah positif kerana nilai purata bagi kesemua item yang disoal berada pada tahap yang baik iaitu 2.34. Semua item-item kajian adalah dalam bentuk negatif, oleh itu nilai tidak melebihi skala 3 yang bermaksud pelajar secara keseluruhannya pelajar mampu menguruskan kewangan peribadi masing – masing dengan baik. Namun demikian, langkah – langkah seperti mendedahkan pelajar kepada kursus dalaman institusi dan luar institusi berkaitan dengan pengurusan kewangan peribadi yang lebih efektif selain daripada subjek - subjek ditawarkan dalam pelan pengajian Diploma Akauntansi perlulah didedahkan kepada pelajar. Ini kerana pengurusan kewangan adalah aspek penting dalam kehidupan seharian pelajar (Aladdin & Ahmad, 2017), di mana mereka mungkin tingkal jauh daripada keluar tanpa ada yang pantau tentang masalah kewangan mereka.

Pelajar akan terperangkap dalam masalah kehidupan di kampus apabila tidak menyedari betapa pentingnya pengurusan kewangan. Tanpa pengetahuan mengenai pengurusan kewangan, tidak mungkin pelajar menjalani kehidupan yang penuh cabaran dan keluar dari hutang kewangan pelajar. Mempunyai kemahiran pengurusan kewangan yang diperlukan akan memastikan wang mereka diuruskan dengan baik. Oleh itu, setiap institusi perlu membincangkan pengurusan kewangan di peringkat individu iaitu pelajar. Ini merangkumi bagaimana untuk mengurus wang melalui Simpanan, pelaburan (Sirine & Utami, 2016) dan mengurus perbelanjaan harian pelajar. Secara umum aspek pengurusan kewangan lain seperti perbankan, penganggaran, insurans, perancangan persaraan dan lain-lain juga perlu didedahkan kepada semua pelajar termasuklah bukan bidang kewangan dan perakaunan. Penganjuran kursus yang melibatkan institusi luar seperti AKPK boleh dilaksanakan di dalam Institusi Politeknik Kota Kinabalu. Penerangan dengan lebih jelas berkaitan dengan pengurusan kredit dan kewangan secara lebih mendalam boleh didapati daripada penganjuran Kursus bersama pihak AKPK. Melalui pendedahan kepada kursus dalaman atau luaran daripada institusi luar tersebut mampu membantu para pelajar untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengurusan kewangan peribadi sedia ada yang dipelajari daripada subjek – subjek yang di ajar di dalam pengajian mereka.

Rujukan

- Aladdin, Y. H., & Ahmad, A. (2017, April). Tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa. In *Kertas kerja, International Conference on Global Education V Global Education*.
- Deacon, R. E., & Firebaugh, F. M. (1988). *Family resource management: Principles and applications*. Allyn & Bacon.
- Grable, J. E., Park, J. Y., & Joo, S. H. (2009). Explaining financial management behavior for Koreans living in the United States. *Journal of consumer affairs*, 43(1), 80-107.
- Hasfazli, S. A. N., & Ramli, Z. (2021). Pengetahuan dan tingkah laku kewangan dalam kalangan miskin bandar. *e-Bangi*, 18(2).
- Hussin, N. L., & Rosli, L. S. (2019). Literasi kewangan dalam kalangan pelajar di Kuim. *Journal of Business Innovation*, 4(1), 102.
- Najmuddin et al. (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 31-50.
- Norlaila et al. (2019). Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar* 113-120
- Sabri, M. F. (2002). *Sosialisasi dan tingkahlaku kewangan remaja* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Sirine, H., & Utami, D. S. (2016). Faktor-faktor yang memengaruhi perilaku menabung di kalangan mahasiswa. *Jurnal Ekonomi dan bisnis*, 19(1), 27-52.
- Van Horne, J. C., & Wachowicz, J. M. (2005). *Fundamentals of financial management*. Pearson Education.
- Weston J.F., Brigham E.F. (1981). *Managerial Finance* (7 th ed.). Holt-Saunders.
- Xiao, J.J, Dew, J., 2011. The financial management behavior scale: development and validation, *Journal of Financial Counseling and Planning*, 22(1): 49-53